

TARIKH IKLAN : 28 FEBRUARI 2024



JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN

KENYATAAN SEBUTHARGA



Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **222104 : Pertanian / Tanaman / Ladang / Taman / Hutan / Hutan Dan Ladang Hutan** serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut :


BIL	NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK	TARIKH LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN MASA TUTUP TAWARAN SEBUTHARGA
1.	PPN.PK. (SH) 89/2024 (HL)	Perkhidmatan Pembekalan, Penanaman Serta Penyelenggaraan Tumbuhan Nepenthes (Periuk Kera) Di Taman Nepenthes, Taman Eko-Rimba Kledang Saiong	Tarikh : 06 Mac 2024 (Rabu) Masa : 10.00 Pagi Tempat : Taman Nepenthes, Taman Eko-Rimba Kledang Saiong, Meru, Ipoh, Perak Darul Ridzuan	Tarikh : 07 Mac 2024 (Khamis) Tempat : Seksyen Hutan Lipur & Eko Pelancongan, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh : 14 Mac 2024 (Khamis) Masa : 12.00 Tengahari

Hanya penama syarikat yang berdaftar di dalam SSM sahaja yang layak menyertai sesi lawatan tapak ini. Sila bawa bersama kad pengenalan, dokumen SSM dan KKM semasa sesi taklimat sebutharga.

1. Kontraktor yang berminat untuk menyertai sebutharga ini adalah **diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak sebutharga** sepertimana ketetapan di dalam kenyataan sebutharga.
2. Hanya penama syarikat yang sah sahaja dibenarkan menghadiri dan mengikuti lawatan tapak dan perlu membawa dan menyerahkan **sesalinan** :
 - a) **Kad Pengenalan pemilik syarikat;**
 - b) **Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan**
 - c) **Pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).**
3. Dokumen Sebutharga boleh dibeli mulai **07 Mac 2024 (Khamis) sehingga sebelum tutup Sebutharga** pada waktu pejabat di Seksyen Hutan Lipur & Eko Pelancongan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
4. Dokumen Sebutharga akan dijual dengan harga **RM 20.00 senaskhah** kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos / Bank Deraf / Debit** atas nama "**BENDAHARI NEGERI PERAK**". Bayaran secara **Wang Tunai tidak akan diterima**. Semasa pembelian dokumen Sebutharga, penama juga **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan bersama **Salinan Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang bernilai RM 150.00** bagi tahun semasa.
5. Penama-penama atau wakil-wakilnya juga diminta untuk mengemukakan bersama **Sijil Pendaftaran Asal yang masih Aktif** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan **Resit Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak**.
6. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat No. Sebutharga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak** sebelum atau pada **14 Mac 2024 (Khamis)** pada jam **12.00** tengahari.

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN**

Disahkan Oleh :


(AZNI RAHMAN BIN A. WAHID)

Timbalan Pengarah (Operasi)

b.p Pengarah Perhutanan Negeri,
Perak Darul Ridzuan.